

08/06/1999

Waspada taktik kotor pembangkang

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat supaya berwaspada dengan taktik kotor pembangkang sehingga boleh menjadikan pilihan raya akan datang paling buruk dalam sejarah.

Menurut Perdana Menteri, parti pembangkang bukan saja menggunakan ugutan dan hasutan, malah mereka akan dibantu oleh dalang dari luar negara, termasuk media asing.

"Pilihan raya ini akan menjadi lebih kotor kerana parti lawan menghalalkan perkataan yang kesat, jijik, kotor serta mencarut dan mereka sudah memulakan cara-cara buruk ini dalam ceramah mereka.

"Kita juga dapati penyokong parti lawan adalah daripada orang yang melakukan rusuhan tahun lalu dan saya yakin mereka tentu akan menggunakan cara kekerasan untuk mencapai matlamat mereka," katanya sambil mengingatkan rakyat supaya menimbang perkara yang baik untuk kebaikan negara dan rakyat.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan perhimpunan agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di Pusat Islam, di sini.

Turut hadir Presiden PPP, Datuk M Kayveas; Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yeik dan Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek.

Dr Mahathir berkata, kerajaan mendapati media asing selalu mendokong parti lawan dengan mengecam pemimpin dan kerajaan.

"Saya disebut sebagai seorang diktator yang memukul Datuk Seri Anwar Ibrahim dan buat tuduhan palsu terhadapnya.

"Tuduhan itu untuk memburukkan imej saya dengan harapan saya tidak boleh menang," katanya sambil menambah semua itu dilakukan untuk menimbulkan kebencian rakyat terhadap kerajaan dan beliau.

Perdana Menteri berkata, media asing juga menuduh beliau diktator dan memberi berjuta-juta ringgit kepada Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela untuk Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) menghadapi pilihan raya.

"Bagi pihak kerajaan, saya memberi jaminan kita tidak akan main kotor. Barisan Nasional (BN) tidak akan main kotor," katanya.

Dr Mahathir berkata, tindakan kotor pembangkang juga boleh dilihat berdasarkan kenyataan pemimpin pembangkang dan mereka akan menggunakan cara kekerasan untuk mencapai matlamat.

"Kita sudah nampak tanda-tanda pilihan raya ini akan menjadi kotor kerana apa yang disebut-sebutkan oleh parti lawan, termasuk menghalalkan maki dan mencarut," katanya.

Dalam ucapannya Perdana Menteri berkata, BN tidak akan meminta pertolongan sama ada daripada orang asing, negara, kuasa atau media asing.

"Kita percaya kepada rakyat negara ini dan merekalah yang akan menentukan nasib kita dan nasib mereka serta kerajaan memerintah.

"Kita juga yakin rakyat negara ini adalah bangsa yang berbangga dengan kebebasan mereka dan akan memilih parti yang bebas daripada didalangi oleh kuasa asing," katanya.

Serentak itu, beliau meminta parti dalam komponen BN bekerjasama untuk kejayaan dalam pilihan raya akan datang.

Perdana Menteri berkata, walaupun ada masalah atau rungutan, semua itu hendaklah diketepikan buat sementara waktu.

"Hanya kemenangan saja yang boleh menyelesaikan apa-apa masalah yang kita hadapi. Jika kerana tuntutan kita tidak dilayan dan kita kecewa maka

ini mungkin menyebabkan kita gagal," katanya.
(END)